

11/2/2017

Ahli PBSM UUM Dan Doktor Pakar Masuk Kampung... - Noorfauziati Binti Mat Yatim

Ahli PBSM UUM Dan Doktor Pakar Masuk Kampung Beri Rawatan Dan Ubat Percuma

Unit Komunikasi Korporat

Wed 11/1/2017 4:25 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



1 NOVEMBER 2017 / 12 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

AHLI PBSM UUM DAN DOKTOR PAKAR MASUK KAMPUNG BERI RAWATAN DAN UBAT PERCUMA



UUM ONLINE: Jitra – Sembilan mahasiswa dari Persatuan Bulan Sabit Merah, UUM tampil membantu dalam melicinkan program pemeriksaan kesihatan keluarga dan kanak-kanak termasuk persediaan tempat, pendaftaran dan menjadi pembantu doktor.

Usaha mereka itu disertai doktor pakar Federation Private Medical Practitioners Associations of Malaysia (FPMPAM) yang turun padang menjalankan tanggungjawab sosial menerusi program Pemeriksaan Kesihatan Percuma (Outreach Programme) di Kampung Natoi, baru-baru ini.

Menurut siswi Pengurusan Kerja Sosial, Asmda Abd Rahman, 23, dia teruja menjadi sukarelawan dalam program yang menghimpunkan doktor pakar serta membantu meringankan tugas doktor di sana.

“Sepanjang program dijalankan, saya dan rakan-rakan yang lain terlibat mendaftar nama pesakit, mengenal pasti penyakit dan membawa pesakit bertemu dengan doktor yang mereka inginkan seterusnya membawa pesakit mengambil ubat di kaunter.

“Sepanjang program berjalan, terdapat juga sedikit sebanyak yang menguji kesabaran sukarelawan untuk mengendalikan pesakit misalnya ada yang ingin bertemu doktor dahulu walaupun mereka datang lambat dan lain-lain lagi.

“Bila bersempang dengan makcik-makcik pelbagai gelagat mencuit hati, ada yang takut ke hospital untuk melakukan pemeriksaan kesihatan dengan bermacam alasan misalnya takut kena cucuk, takut ambil darah serta bertanya macam-macam soalan,” tambahnya.

Namun begitu, pengalaman ini mengajar sukarelawan untuk bersosial dan bersabar dalam mengendalikan karenah pesakit selain menyelami sedikit sebanyak masalah kesihatan yang dialami oleh warga emas.

Pegawai Perubatan BSMM Negeri Kedah, Lt Kol (B) Dr. Mohd Tajuddin Shaffie berkata, program sehari itu disertai lima doktor pakar dalam pelbagai bidang di bawah penyelarasannya.

Menurutnya, Outreach Programme dijalankan untuk penduduk pedalaman yang kurang mendapat akses perubatan terutama rawatan daripada doktor-doktor pakar.

Jelasnya dalam program anjuran FPMPAM dengan kerjasama Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Negeri Kedah, para doktor terdiri daripada pakar tulang, mata, perbidanan/sakit puan, kanak-kanak, kulit dan umum.

"Doktor-doktor pakar yang datang memberikan pemeriksaan kesihatan dan ubat-ubatan secara percuma kepada masyarakat sekitar selain berpeluang mendekati masyarakat kampung bertanya khabar," uniknya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Pengajian Tinggi BSMM Kedah, Prof Madya Dr Fuziah Shaffie, menyambut baik program yang dijalankan serta mahu usaha murni itu dijalankan secara berkala dan diperluaskan di tempat lain.

"Penduduk dijemput untuk membuat pemeriksaan kesihatan selain boleh berjumpa terus dengan mudah di tempat sendiri demi menjamin masa depan yang sihat.

"Orang tua-tua susah nak pergi hospital, adakalanya anak-anak sibuk, tak ada kenderaan namun bila doktor turun ke kampung membuat rawatan dan memberi ubat percuma, memudahkan mereka untuk datang ke mari hanya dengan berjalan kaki," ujarnya.

Katanya, program ini mampu memberi kesedaran kepada penduduk kampung dalam penjagaan kesihatan di samping sukarelawan dapat menimba pengalaman yang begitu berharga.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pameran dan Teknologi Maklumat BSMM Kubang Pasu, Dr. Nor Azimah Chew Abdullah dan Penasihat PBSM UUM, Junaidah Ismail.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.